



SinarBestari



View Profile

PKB menang Anugerah Koperasi IPT Terbaik

Story by Nor Azma Muhamat Laila • 1 Jul 2022



Politeknik Kota Bharu (PKB) memenangi Anugerah Koperasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Terbaik pada Hari Koperasi Negara 2022 Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung di Kota Bharu, Kelantan, baru-baru ini.

Kemenangan itu membolehkan PKB menerima hadiah RM2,000 dan sijil penghargaan.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Muslimin Yahaya kepada Pengarah PKB, Rosli Idris yang mewakili Koperasi Politeknik Kota Bharu Sdn Bhd.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan Dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan, Saiful Adli Abu Bakar dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Kelantan, Zainudin Mohamed.

Rosli berkata, kejayaan itu adalah hasil daripada kecekapan warga koperasi itu sendiri sekali gus menunjukkan Koperasi PKB diurus dengan cekap dan teratur.



L PKB menang Anugerah Koperasi IPT Terbaik
© Provided by SinarBestari

"Ini kerana antara penilaian yang dinilai adalah berdasarkan kepada pengurusan dan pengendalian akaun koperasi yang baik serta dalam masa yang sama mendidik para pelajar PKB dalam bidang keusahawanan dan koperasi," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Sementara itu, Pemangku Pengerusi Koperasi PKB, Juli Suzlin Mohd Jalalusin menyifatkan kejayaan ini adalah sumbangan semua warga PKB iaitu bermula dengan sokongan yang padu daripada pengurusan tertinggi, kakitangan dan juga pelajar.

"Penglibatan pelajar-pelajar melalui program-program keusahawanan juga secara tidak langsung memberikan impak kepada pelaksanaan pengurusan koperasi ini untuk berjalan dengan baik selain pengurusan koperasi yang cekap," ujarnya.

Sumber : <https://www.msn.com/en-my/news/berita/pkb-menang-anugerah-koperasi-ipt-terbaik/ar-AAZ3EvO>